

08/01/2002

Tidak faham punca rakyat mengkritik

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kadang kala sukar bagi kerajaan berkomunikasi dengan rakyat kerana ada golongan tertentu yang tidak faham atau cenderung untuk menentang.

Perdana Menteri berkata, kegagalan rakyat memahami apa yang cuba disampaikan itu menyebabkan keupayaan sebenar kerajaan membangunkan negara tidak dapat dizahirkan.

"Sebagai kerajaan demokratik, kita berkomunikasi dengan rakyat tetapi kadang kala berlaku kegagalan komunikasi... kita fikir rakyat faham dengan idea yang disampaikan tetapi mereka sebenarnya tidak.

"Kadangkala apabila idea kita dapat difahamkan, mereka cenderung mengkritik dan silap mentafsir idea sebenar kita.

"Kita sering disalah tafsir sehingga keupayaan sebenar kita tidak dapat dizahirkan, dan kadang kala rakyat menjadi begitu menentang," katanya ketika melancarkan buku *Wings of Creativity* di sini petang ini.

Hadir sama Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapha Mohamed, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad dan Presiden Limkokwing Integrated Group, Tan Sri Lim Kok Wing.

Buku setebal 200 muka surat dan berharga RM250 itu mengenai pencapaian negara selama dua dekad lalu daripada kaca mata Limkokwing Integrated Group yang terbabit dalam banyak usaha mempromosikan dasar dan imej negara.

Dr Mahathir berkata, berkomunikasi dengan rakyat bukan sesuatu yang mudah kerana ia memerlukan kemahiran dan kreativiti, termasuk ketika seseorang pemimpin menyampaikan ucapan umum.

Perdana Menteri berkata, pemimpin turut menghadapi kesukaran yang sama ketika cuba menyatakan perasaan cintakan negara mereka kerana perasaan adalah sesuatu yang bukan berbentuk fizikal.

"Ia amat sukar kerana kita perlu menterjemahkan perasan itu kepada kata-kata yang menunjukkan bahawa cintakan negara adalah sesuatu yang terpuji dan baik," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, negara memerlukan lebih ramai rakyat yang kreatif bagi membangunkan negara dalam era ekonomi berasaskan pengetahuan yang memerlukan cara berfikir dan melakukan kerja yang berbeza daripada sebelumnya.

Katanya, setiap rakyat sebenarnya memiliki sifat ini dan ia boleh dicungkil dengan bimbingan yang baik tetapi sebilangan besar rakyat tidak menyedarinya atau menganggap ia adalah keistimewaan milik golongan tertentu saja.

"Kita sudah terlepas peluang ketika Revolusi Perindustrian kerana kita dijajah. Hari ini perubahan baru sedang berlaku dan kita perlu berfikir secara berbeza," katanya.

Dr Mahathir berkata, kreativiti adalah satu kuasa baru yang amat penting pada zaman ini dan boleh mempengaruhi atau menentukan sesuatu perkara, bergantung kepada niat seseorang itu.

Perdana Menteri berkata, pada masa ini kreativiti digunakan pihak tertentu terutamanya menerusi Internet untuk memburuk-burukkan negara atau pemimpin tertentu.

"Justeru, kreativiti perlu diiring dengan nilai murni supaya kuasa baru itu tidak disalahgunakan," katanya.

(END)